

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**

**TARIKH : RABU, 27 MEI 2015**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah mampan yang digubal oleh FRIM untuk mempertingkatkan pembangunan sektor hutan dan pemuliharaan sektor hutan bagi mengatasi isu penerokaan hutan yang meluas**

hutan, di mana jumlah yang disasarkan adalah menyamai jumlah penduduk di Malaysia pada ketika itu. Sehingga April tahun 2015, sebanyak 72,813,272 pokok berjaya ditanam di seluruh Malaysia;

**ii. Program Kerjasama Strategik Penghijauan Semula Kawasan Bekas Ceroboh/ Teroka Di Dalam Dan Luar Hutan Simpanan Kekal**

Program penghijauan ini melibatkan aktiviti penanaman pokok bersama-sama dengan badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat setempat dan pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Selain itu, program ini juga turut dilaksanakan di bawah tanggungjawab sosial beberapa rakan kerjasama NRE iaitu TESCO, PLUS, TNB, ASMA, GESB, K.S.S.B dan PETRONAS. Pada masa ini program penghijauan ini tertumpu di kawasan bekas ceroboh dan diteroka di Cameron Highlands, Pahang; dan

**iii. Program Pemulihan Kawasan Hutan Terosot**

Program pemulihan kawasan hutan terosot telah dirangka bagi memastikan pemuliharaan kawasan Hutan Simpanan Kekal yang terosot dan miskin di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Di bawah RMK-10, dari tahun 2011 sehingga tahun 2014, seluas 500 hektar kawasan terosot dalam HSK telah berjaya ditanam dengan pelbagai spesies pokok. Manakala bagi RMK-11 sejumlah RM354.18 juta telah dipohon untuk memulihkan kawasan seluas 4,750 hektar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)**

**SOALAN : 22**

**Y.B. Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil serta perbelanjaan yang terlibat untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam antara bandar atau pekan sepanjang laluan keretapi sektor Pantai Timur dari Gemas ke Tumpat yang berhenti operasi selepas dimusnahkan oleh banjir besar pada Disember 2014:

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah perkhidmatan keretapi berhenti operasi, penumpang yang terbabit telah menggunakan perkhidmatan bas berhenti-henti dan kereta sewa sebagai alternative di mana ia adalah terletak di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Bagi penduduk di kawasan Dabong, dua perkhidmatan baharu telah dimulakan pada 13 April 2015, iaitu dari Dabong ke Kuala Krai dan sebaliknya, dan juga dari Dabong ke Jeli dan sebaliknya. Jadual dan kekerapan perkhidmatan adalah seperti berikut:

BIL.	LALUAN	JARAK (km)	BIL. BAS	BIL. PERJALANAN
1	DABONG – KUALA KRAI	81	1	6
2	DABONG - JELI	52	2	12

Tambang yang dikenakan kepada penumpang adalah berdasarkan kadar tambang yang telah diluluskan oleh kerajaan. Bagi laluan dari Dabong ke Kuala Krai, tambangnya adalah dari RM1.00 hingga RM8.40, dan tambang untuk laluan dari Dabong ke Jeli adalah dari RM1.00 hingga RM5.60, bergantung kepada jarak perjalanan penumpang tersebut.